



PASUKAN UniSZA yang memenangi Kejohanan Memanah UniSZA selepas majlis penyampaian hadiah di Dewan Pusat Kecemerlangan Sukan universiti itu di Gong Badak, Terengganu baru-baru ini.

## UniSZA juara kejohanan memanah Terengganu

**JUARA.** Pasukan tuan rumah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya menewaskan 18 pasukan lain untuk muncul johan keseluruhan Kejohanan Memanah yang diadakan di Pusat Kecemerlangan Sukan UniSZA, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Pasukan tersebut itu meraih kejayaan itu setelah menggondol lima pingat emas, satu perak dan satu gangsa menewaskan pencabar

terdekat pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia yang meraih empat emas, tiga perak dan dua gangsa di tempat kedua.

Tempat ketiga pula menjadi milik pasukan Universiti Teknologi Mara Pahang dengan kutipan tiga pingat emas, tiga perak dan enam gangsa manakala tempat keempat menjadi milik pasukan dari Kemaman dengan satu emas dan dua gangsa.